



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (09 JANUARI 2021)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini terdapat **55 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Sarawak [Sibu (37), Kuching (15), Miri (2) dan Bintulu (1)]. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,251 kes.**

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Kuching (15 Kes)

a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (4 Kes Import-B)

Kes 1,199 dan 1,200 merupakan adik-beradik perempuan warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Kunak, Sabah. Kedua-dua kes ini telah balik ke Sarawak pada 31 Disember 2020 menggunakan penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuching.

Sebelum balik ke Sarawak, kes-kes ini telah menjalani saringan di Kunak, Sabah pada 27 Disember 2020 dan kedua-dua kes didapati negatif ujian rT-PCR. Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 31 Disember 2020, kes-kes ini sekali lagi telah menjalani saringan kerana keputusan ujian saringan sebelum masuk ke Sarawak telah melebihi tiga (3) hari dari tarikh ujian diambil. Sekali lagi ujian saringan ujian rT-PCR untuk mereka didapati negatif pada 01 Januari 2021.

Kedua-dua kes ini telah dibawa pusat kuarantin di Kuching untuk menjalani arahan kuarantin wajib 10 hari. Kes-kes telah menjalani ujian saringan kali ke-2 pada 7 Januari 2021 dan kedua-dua mereka didapati positif. Mereka tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes-kes ini dikategorikan sebagai Kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

Kes 1,201 dan 1,202 adalah dua orang lelaki adik-beradik, warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Pulau Pinang pada 07 Januari 2021. Kes-kes ini telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan telah menjalani saringan dan diberikan arahan kuarantin di pusat kuarantin.

Keputusan ujian saringan kedua-dua kes pada 07 Januari 2021 didapati positif . Mereka tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai Kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

b) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak kepada Kes Positif COVID-19: Tujuh (7) kes (Jangkitan Tempatan)

Kes 1,203, 1,204, 1,205, 1,208, 1,210, 1,211 dan 1,212 merupakan tujuh (7) individu yang telah menjalani saringan kendiri COVID-19 yang mempunyai sejarah berkunjung atau bekerja di lokasi yang telah diumumkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak sebagai lokasi berisiko jangkitan COVID-19.

Tujuh (7) individu ini terdiri daripada dua (2) lelaki dan lima (5) perempuan dalam lingkungan 22 hingga 54 tahun. Kes-kes ini telah menjalani saringan COVID-19 pada 8 Januari 2021 dan keputusan ujian pada 8 Januari dan 9 Januari didapati positif.

Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan semasa mengunjungi premis pada waktu yang sama dengan kes-kes yang mempunyai perkaitan dengan Kluster Stutong.

c) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,198 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan di sebuah hospital swasta kerana mempunyai kontak kepada kes 1,179 dari Kluster Keranji Tabuan. Kes tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

d) Saringan Individu Bergejala: (3 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,206 merupakan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan kendiri COVID-19 kerana mengalami gejala demam dan sakit kepala sejak enam (6) hari yang lalu. Kes menjalani saringan di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 8 Januari 2021 dan didapati positif pada hari yang sama.

Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan sehingga siasatan ke atas punca jangkitan diketahui. Pengesahan kontak-kontak kepada kes ini sedang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

Kes 1,207 dan 1,209 merupakan dua orang warga tempatan (Sarawak) yang telah disaring COVID-19 kerana mempunyai tanda dan gejala. Kedua-dua kes ini telah menerima rawatan di fasiliti kesihatan swasta di Kuching dan telah menjalani saringan pada 08 Januari 2021 dan keputusan didapati positif pada 09 Januari 2021.

Kes 1,207 mengalami gejala sakit badan di bahagian kepala dan dada manakala kes 1,209 mengalami gejala hidung berair dan hilang deria bau. Kes-kes ini merupakan ahli keluarga dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan sehingga siasatan ke atas punca jangkitan diketahui. Pengesahan kontak-kontak kepada kedua-dua kes ini sedang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

II. Daerah Miri (2 Kes)

a) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,214 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah dikesan melalui aktiviti pengesahan kes kepada individu yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19. Kes telah mempunyai kontak dengan kes 1,155, 1,156, 1,157 dan 1,165 yang telah dilaporkan sebelum ini semasa kes menjemput kes-kes tersebut dari Lapangan Terbang Miri.

Kes telah menjalani saringan pada 7 Januari 2021 dan didapati positif pada 8 Januari 2021. Kes mula mengalami gejala batuk sejak 05 Januari 2021. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan daripada kes positif yang telah dilaporkan sebelum ini. Siasatan lanjut ke atas kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Miri.

b) Lain-lain Saringan (1 Kes Import-B)

Kes 1,213 merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang telah menjalani saringan bagi tujuan *sign off* dari atas kapal yang sedang berlabuh di luar perairan Miri. Kes telah dibuat saringan pada 07 Januari 2021 oleh petugas kesihatan dari sebuah hospital swasta di Miri semasa kes masih berada di atas kapal kerana kapal ini masih menunggu kebenaran untuk berlabuh di perairan Pelabuhan Miri. Keputusan didapati positif pada hari yang sama.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala. Siasatan awal menunjukkan kapal ini sebelum ini telah singgah dan semua krew telah dibenarkan *sign off* dan *sign on* di Pelabuhan Labuan sebelum berlayar semula masuk ke perairan menuju ke Miri.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu kemungkinan semasa krew singgah dan *sign off* di Pelabuhan Labuan. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan krew akan dibenarkan dibawa turun untuk rawatan dan pemeriksaan lanjut setelah mendapat kelulusan untuk berlabuh di pelabuhan.

III. Daerah Bintulu (1 Kes)

a) Saringan Individu Yang Datang dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (1 Kes Import-A)

Kes 1,197 merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang telah datang ke Sarawak untuk bekerja di sebuah syarikat perkapalan di Miri, Sarawak pada 31 Disember 2020. Kes yang berasal dari Indonesia telah sampai di Malaysia pada 23 Disember 2020 menggunakan penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Setibanya di Malaysia, kes telah menjalani arahan kuarantin di pusat kuarantin di Cheras sehingga 29 Disember 2020. Saringan ujian rT-PCR kes didapati negatif untuk sampel yang diambil pada 26 dan 29 Disember 2020. Selepas itu kes hanya berada di Selangor dan menjalani kuarantin kendiri di sebuah hotel Di Selangor yang ditanggung oleh agen sebelum bertolak ke Bintulu, Sarawak.

Kes ini telah tiba di Lapangan Terbang Bintulu pada 31 Disember 2020 dan telah menjalani saringan setibanya di lapangan terbang. Kes ini juga telah diberikan arahan menjalani kuarantin selama 10 hari di pusat kuarantin sebelum dibenarkan menjalankan kuarantin di rumah bagi baki 4 hari arahan kuarantin. Ujian bagi saringan yang dijalankan pada 31 Disember didapati negatif pada 01 Januari 2021.

Walau bagaimanpun, keputusan ujian saringan ketiga yang dijalankan pada 07 Januari 2021 didapati positif pada 08 Januari 2021. Kes ini tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam pengesanan kontak-kontak lain yang kemungkinan telah terdedah kepada kes ini. Kes dikategorikan sebagai Kes Import A yang telah mendapat jangkitan semasa masih berada negara asal.

IV. Daerah Sibu (37 Kes)

a) Saringan Individu Melalui Pengesanan Kes Secara Aktif COVID-19: (37 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,215 hingga 1,251 merupakan 37 orang individu melibatkan warga tempatan (Sarawak) yang telah disaring melalui pengesanan kes secara aktif (ACD) di sebuah rumah panjang di Pasai, Sibu. Aktiviti ACD dilakukan setelah satu (1) kes positif iaitu kes 1,175 yang diberikan arahan kuarantin di rumah telah didapati positif pada 07 Januari 2021.

Kes-kes ini terdiri daripada semua penduduk tempatan yang berumur semuda 11 bulan hingga 79 tahun di mana lima (5) orang adalah kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Mereka telah disaring pada 07 Januari 2021 dan telah didapati positif pada 08 Januari 2021.

Siasatan awal mendapati kesemua kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala yang serius kecuali beberapa orang yang mengadu demam dan batuk biasa. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang kemungkinan telah mendapat jangkitan dari kes indeks iaitu kes 1,175. Tindakan kawalan dan pencegahan perebakkan serta pengesanan kontak-kontak lain kepada kes ini termasuk semua individu yang pernah mengunjungi kawasan ini sedang dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu dengan bantuan agensi-agensi lain di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB) Sibu.

B. Kluster Baharu (Kluster Pasai, Sibu)

Hari ini Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengisytiharkan satu (1) kluster baharu iaitu **Kluster Pasai, Sibu** yang setakat ini melibatkan daerah Sibu dan Daerah Mukah. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes 1,175 yang telah didapati positif pada 07 Januari 2021 melalui saringan individu yang baru balik dari Semenanjung Malaysia. Kes ini telah menjalani kuarantin di rumah. Sehingga jam 12:00 tengah hari, 08 Januari 2021, sejumlah 73 individu telah disaring, iaitu:

- 38 kes dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 8 individu negatif; dan
- 27 individu yang masih menunggu keputusan.

C. Kluster Yang Masih Aktif.

Hari ini lima (5) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

I. Kluster Pasai, Sibu : terdapat 37 kes dilaporkan hari ini menjadikan jumlah keseluruhan seramai 38 kes termasuk kes indeks.

II. Kluster Keranji Tabuan, Kuching : terdapat satu (1) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan seramai 11 kes. Sejumlah 109 individu telah disaring, dimana 63 negatif dan 35 masih menunggu keputusan makmal.

III. Kluster Bah Sayap, Miri : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal sembilan (9) kes. Sejumlah 117 individu telah disaring, dimana 90 negatif dan 18 masih menunggu keputusan makmal.

IV. Kluster Stutong, Kuching : terdapat lapan (8) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 20 kes. Sejumlah 330 individu telah disaring dimana 242 negatif dan 68 masih menunggu keputusan makmal.

V. Kluster Mador, Meradong : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,238 individu telah disaring, dimana 1,230 negatif.

D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Terdapat **empat (4)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini iaitu dari Hospital Umum Sarawak (2), Hospital Sibu (1) dan Hospital Sungai Buloh (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,094** orang atau **87.45%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasangkan di hospital adalah seramai **138** orang iaitu:

- 57 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 55 kes di Hospital Sibu;
- 20 kes di Hospital Miri; dan
- Enam (6) kes di Hospital Bintulu.
-

Hari ini, **77 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Sibu telah bertukar dari status Kuning ke status Jingga dengan sejumlah 39 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Kuching juga kekal berstatus Jingga dengan sejumlah 36 kes jangkitan tempatan dilaporkan.

Daerah Lawas pula telah bertukar status Kuning ke status Hijau setelah tiada kes positif COVID-19 jangkitan tempatan dikesan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Samarahan, Miri, Bintulu, Meradong, Bukit Mabong dan Sri Aman kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan 17 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 32 buah daerah yang lain di Sarawak berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak empat (4) kompaun di daerah Padawan (3) dan Samarahan (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **113 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (35), DBKU (24), MPP (24), MD Serian (10), MD Marudi (9), MBKS (5), BDA (3), MB Miri (2) dan MPKS (1).

3. KAWALAN PERGERAKAN DI LAPAN (8) BUAH RUMAH PANJANG DI SIBU

Hari ini Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sibu telah membuat Kawalan Pergerakan di lapan (8) buah Rumah Panjang di Sibu iaitu Rh. Pasai Siong Tengah, Rh. Pengkalan Rumput Sungai Siong, Rh. Sungai Putus Siong, Rh. Sungai Siong Tengah, Rh. Lubok Lengan Sungai Siong, Rh. Siong Tengah 1, Rh. Sungai Siong Tengah 2 dan Rh. Pengkalan Rumput Pasai Siong Tengah.

Saringan COVID-19 akan dijalankan oleh Jabatan Kesihatan di semua rumah berkaitan mulai hari ini 09 Januari sehingga selesai. Pihak PDRM telah membuat sekatan perjalanan di simpang masuk ke lokali terkesan iaitu lebih kurang 15 kilometer daripada Jalan Teku Pasai Siong bermula jam 11:30 malam tadi. Makanan dan kemudahan kesihatan akan diberikan kepada lapan (8) buah rumah panjang yang terlibat dalam kawalan pergerakan tersebut.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
09 JANUARI 2021
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	1196	Total Cases still in ward	138	11.03%
New Cases	55	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	0	0.00%
Total Samples by Individu	224,108	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1251	Total Death Cases	19	1.52%
IR per 100,000 population	40.55	Recovered and discharged cases	1,094	87.45%
Lab. Results (PUI)	New	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Negative	29		77	
Pending Result	4		11,394	

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		57	55	6	20	0	138
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	2	1	0	0	1	4
	Cummulative	898	47	55	85	3	1088
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	22

DAERAH JINGGA (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sibu	37	180	37	74	0	26	0	0	48	48	39
2	Kuching	35	7,711	15	783	2	718	0	12	53	57	36
Jumlah		72	7,891	52	857	2	744	0	12	101	105	75

DAERAH KUNING (6)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	614	0	117	0	112	0	4	1	1	1
2	Sri Aman	0	58	0	7	0	4	0	1	2	2	2
3	Bukit Mabong	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
4	Miri	2	938	2	83	0	62	0	1	20	20	9
5	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
6	Bintulu	1	342	1	62	1	56	0	0	6	7	1
Jumlah		4	1,992	3	274	1	234	0	6	34	35	17

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (32)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	30	0	12	0	12	0	0	0	0	0
2	Serian	1	342	0	27	0	27	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	262	0	8	0	8	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
5	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Bau	0	190	0	7	0	7	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	9	0	4	0	4	0	0	0	0	0
10	Asajaya	0	46	0	7	0	7	0	0	0	2	0
11	Betong	0	191	0	17	1	17	0	0	0	1	0
12	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
13	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
15	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	10	0	2	0	0	0	0	2	2	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Julau	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	0
19	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
26	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	1,511	0	120	1	116	0	1	3	6	0

Jumlah Besar	77	11,394	55	1,251	4	1,094	0	19	138	146	92
--------------	----	--------	----	-------	---	-------	---	----	-----	-----	----

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **620 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **47 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,844 orang**. Manakala seramai **49,523 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 09.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,625)	Hock Lee	166
2		Kuching Park	177
3		Pullman	434
4		Hilton	235
5		Harbour View	279
6		Riverside (Astana Wing)	301
7		Grand Margherita	211
8		Imperial Boulevard	205
9		Tune Hotel	90
10		Dormani Hotel	43
11		Grand Continental	131
12		MeritInn	28
13		Longhouse	69
14		Abell	47
15		Lot 10	55
16		Telang Usan	52
17		Imperial Riverbank	102
18	Miri (1,145)	Mega Hotel	112
19		Somerset	40
20		Imperial Palace	281
21		Eastwood Valley	75
22		Imperial New Wing	121
23		Paragon	59
24		Meritz	158
25		Miri	36
26		Dynasty	154
27		Kenyalang Suite	12
28		Citi Hotel	64
29		Nova	33
30	Bintulu (500)	Wasan Inn	23
31		Fairfield by Marriot	193
32		Kidurong Inn	78
33		Motel Kapok	75
34		Faber Inn	27
35		AA Inn	30
36		Ambassador	67
37		Kemena	7
38	Limbang (145)	Purnama	45
39		Seri Malaysia (Lawas)	74
40		Mandarin (Lawas)	26
41	Sibu (156)	Premier	49
42		Diocesan Pastoral	33
43		Kawan	74
44		INFRA	91
45	Samarahan (247)	Kolej Rafflesia, UNIMAS	119
46		UiTM	37
47	Sarikei (26)	Garden Hotel	26
		Jumlah PUS	4,844

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **dua (2) lokasi di Sarikei (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,147 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 09.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	TIADA	721
2	Miri	1	447
3	Sibu	TIADA	203
4	Samarahan	TIADA	139
5	Sarikei	1	125
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	53
Jumlah Keseluruhan			2,147

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **38 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 09.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MP Sri Aman	1
4	SMC	9
5	BDA	4
6	MD Maradong & Julau	1
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
Jumlah		38

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF YANG DILAPORKAN BAGI KLUSTER DI KUCHING DAN SIBU

Location of Exposure by Clusters In Kuching

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
Envlar Restaurant, Saradice	Workplace	Every Day till 8/1/2021	
Xin Heng Huat Trading, 4th mile	Workplace	Everyday	
Baby Einstein Lodge, Richmond Hill	Workplace	1/12/2020 till 6/1/2021	
Taska Sri Pintar, Tabuan Jaya	Education/Childcare	Every day till 4/1/2021	
Rook Road Seafood Restaurant	Restaurant	1/1/2021	7:00pm - 9:00pm
Hangout Bistro, Jalan Song	Restaurant	7/1/2021	10:00pm - 12:00am
Zino Restaurant and Bar, Jalan Tabuan	Restaurant	1/1/2021	7:00pm - 9:00pm
Burger King, Vivaosity	Restaurant	3/1/2021	2:00pm - 4:00pm
Bonzor, Saradice	Restaurant	27/12/20	2:00pm - 3:00pm
		30/12/20	8:00pm - 10:00pm
		5/1/2021	8:00pm - 10:00pm
Sushi Mental, Saradice	Restaurant	5/1/2021	7:00pm - 8:00pm
Hoi Tin Lau Restaurant, Aeroville Mall	Restaurant	1/1/2021	12:00pm - 1:00pm
Riverbank Suites Bar, Waterfront	Restaurant	1/1/2021	7:00pm - 9:00pm
Poh Lok Kopitiam, 7th mile	Kopitiam	4/1/2021	11:00pm - 11:45pm
Premier Food Republiq (BDC)	Kopitiam	4/1/2021	11:00am - 12:00pm
The Alley, Millan Square	Restaurant	1/1/2021	12:00pm - 1:00pm
Wowana, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruoe	Restaurant	4/1/2021	4:00pm- 5:30 pm
Orked Cafe, Lorong Metrocity Height, Petrajaya	Restaurant	29/12/20	5:00pm - 6:00pm
		5/1/2021	1:00pm - 2:00pm
		7/1/2021	2:00pm - 3:00pm
Great Day Food Court, Demak Laut	Kopitiam	4/1/2021	9:00am - 10:00am
Fish Frenzy Cafe, SOHO 188	Restaurant	31/12/2020 1/1/2021	7:00pm - 8:00pm 1:00pm - 2:00pm
Oinks Restaurant, Jin Song	Restaurant	30/12/20 3/1/2021	7:00pm - 8:00pm 8:00pm - 9:00pm
De waiting Hall, Aeroville	Private social event	2/1/2021	12:30pm - 4:00pm
Lok Thian Restaurant - Thian Court Crown Imperial Hall	Private social event	3/1/2021	6:30pm - 9:00pm
Commons Cafe, Old Courthouse	Private social event	2/1/2021	6:30pm - 10:00pm
Good Luck Cafe, Bau	Kopitiam	1/1/2021	9:00am - 10:00am
Tacik Biru Food Village, Bau	Restaurant	2/1/2021 3/1/2021	2:00pm - 3:00pm 9:00am - 10:00am
Magis Hair Salon, Bau	Social Activity - customer	6/1/2021	3:40pm - 4:40pm
Rubina Household Ware Co, Jln Dafuk Marloan Salleh	Social Activity - customer	2/1/2021	12:45pm - 1:05pm
Sweet Memory 101	Social Activity - customer	2/1/2021	1:40pm - 1:50pm
Cholee Premium, 101	Social Activity - customer	2/1/2021	1:50pm - 2:00pm
Lepapa Galaoity	Social Activity - customer	3/1/2021	1:40pm - 1:50pm
The Gourmand, Galaoity	Social Activity - customer	4/1/2021 6/1/2021	7:55pm - 8:05pm 3:00pm - 3:15pm
Gala Corner, Galaoity	Social Activity - customer	27/12/2020 29/12/2020	10:00am - 11:00am 4:00pm - 5:00pm
Thian Hin Goldsmith, Carpenter Street	Social Activity - customer	5/1/2021	10:00am - 10:20am
Chung Chan Goldsmith & Jewellery, Carpenter Street	Social Activity - customer	24/12/2020	4:00pm - 4:30pm
Tapao Trading, Jln 8tutong	Social Activity - customer	6/1/2021	2:35pm - 2:50pm
SuperSave BDC	Social Activity - customer	6/1/2021	2:45pm - 3:00pm
MyBox Stores, Vivaosity	Social Activity - customer	3/1/2021	2:00pm - 4:00pm
PC Image, Vivaosity	Social Activity - customer	3/1/2021	2:00pm - 4:00pm
Switch, Vivaosity	Social Activity - customer	3/1/2021	2:00pm - 4:00pm
Uniqlo, Vivaosity	Social Activity - customer	3/1/2021	2:00pm - 4:00pm
Equip Saloon, Vivaosity	Social Activity - customer	5/1/2021	
Lea Centre, Kuching Sentral	Social Activity - customer	3/1/2021	5:00pm - 6:00pm
Dvalley supermarket, Batu 7	Social Activity - customer	27/12/2020	morning
		4/1/2021	4:00pm - 5:00pm
Maxis Centre, Satok	Social Activity - customer	4/1/2021	1:00pm - 3:00pm
7 Eleven, 101	Social Activity - customer	7/1/2021	9:00am - 9:15am
Lian Hua Seng Retail TT3	Social Activity - customer	8/1/2021	
TMS Tailor PLT, Jalan Satok	Social Activity - customer	7/1/2021	11:00am - 12:00pm
Petra Methodist Church Bau	Church	25/12/2020 1/1/2021	8:00am - 9:00am 8:00am - 9:00am

Location of Exposure by Cluster Pasal, Sibu

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
SDNU Cemetery, Pasal Slong	Funeral	31/12/2020	9:00am - 12:00pm
Detached House @ RH Rangi, Pasal Slong	Funeral	30/12/2020 31/12/2020	